



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA
Deputy Secretary General (Policy and Development)
Ministry Of Works Malaysia
Tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tel : 03-27714031
Faks : 03-27117375
Laman Web : www.kkr.gov.my

Ruj. Kami : KKR.100-11/2/90(54)
Tarikh : 22 Julai 2024

PENGARAH KANAN

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 5, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur
(u.p: Urusetia JPAK)

Tuan,

PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FASILITI BERSEPADU (MyINFRA) KEMENTERIAN KERJA RAYA – FASA 1

- Peluasan Penggunaan Sistem Oleh Kementerian / Jabatan / Agensi Lain

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak tuan sedia maklum, pembangunan Sistem MyINFRA telah mendapat sokongan daripada **Mesyuarat JPAK Bil 1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 27 Jun 2023** dimana mesyuarat telah bersetuju penggunaan **sistem diperluaskan kepada semua Kementerian dan Agensi secara berperingkat bermula tahun 2025**. Sistem MyINFRA Fasa 1 (Modul Pendaftaran) telah siap dibangunkan secara dalaman di peringkat KKR pada Disember 2022 dan kini sedang dalam pelaksanaan projek rintis bagi pengumpulan data aset milikan KKR. Lanjutan dari itu, bajet **pelaksanaan projek MyINFRA Fasa 2 bagi modul keseluruhan kitaran hayat aset telah diluluskan di dalam RP4, RMK 12 dan pembangunan sistem akan bermula pada Ogos 2024**.

3. Untuk makluman pihak tuan jua, Kementerian ini telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama beberapa Kementerian untuk memberikan pendedahan berkaitan penggunaan sistem serta bagi mendapatkan ulasan dan pandangan dalam memantapkan Sistem MyINFRA – Fasa 1 (Modul Pendaftaran) yang telah dibangunkan. Kementerian yang terlibat adalah seperti berikut :

...2/-

'KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT'
'TOWARDS THE PEOPLE'S PROSPERITY'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERTIFIED TO ISO 45001:2018

Bil.	Kementerian	Catatan
1.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	Telah menggunakan sistem sepenuhnya melalui surat persetujuan KKR bertarikh 29 September 2023
2.	Kementerian Pendidikan Malaysia	Telah melaksanakan perbincangan bagi tujuan integrasi MyINFRA dengan Sistem Pengurusan Aset Tunggal KPM
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Taklimat kepada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM berkaitan sistem
4.	Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) JPM	Telah melaksanakan perbincangan bagi tujuan integrasi MyINFRA dengan Sistem Pengurusan Maklumat Hartanah (ProMIS)
5.	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat	Kursus Pengenalan Myinfra Bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) Tahun 2024 dijadualkan pada 13 Ogos 2024

Selain dari itu, Kementerian ini juga telah memberikan Taklimat Peluasan Penggunaan Sistem MyINFRA – Fasa 1 (Modul Pendaftaran) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pengurusan Aset Tak Alih (JPPATA) Kerajaan Bil.2 Tahun 2024 bertarikh 21 Mei 2024 yang lalu.

4. Justeru, bagi merealisasikan pertimbangan Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk memperluaskan penggunaan sistem pada tahun 2025, **sukacita dimaklumkan bahawa kini Sistem MyINFRA – Fasa 1 (Modul Pendaftaran) telah bersedia untuk diguna pakai oleh semua Kementerian / Jabatan / Agensi.** Setiap Kementerian / Jabatan / Agensi boleh berhubung dengan pegawai berikut bagi mendapatkan informasi lanjut berkaitan penggunaan sistem tersebut :

Wakil Pemilik Sistem

Nama : Ir. Ts Intan Baizurah binti Jamaluddin
 Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha
 Bahagian : Bahagian Pengurusan Fasilitas (BPF)
 No. Telefon : 03-27714705 / 0124940609
 E-mel : baizurah@jkr.gov.my

Wakil Pembangun Sistem

Nama : Puan Rose Mawati binti Abdullah
Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian : Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
No. Telefon : 03-27715039 / 0192375423
E-mel : rosemawati@kk.gov.my


Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam usaha memperluaskan penggunaan Sistem MyINFRA adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



22/07/2024

(DATO' ZAHRUL HAKIM BIN ABDULLAH)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya Malaysia

s.k :

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Fasilitas
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat